

Ratu

www.bharian.com.my



Saintis wanita

SEBUT mengenai sains, ramai yang menggambarkan kerjayanya membosankan. Terbayang mereka yang berpakaian putih dan bercermin mata tebal sedang meneliti mikroskop. Mungkin disebabkan gambaran kurang memberangsangkan ini, tidak ramai yang berminat dengan dunia sains, khususnya wanita. Malah bilangan saintis wanita tidak begitu ramai jika dibandingkan dengan lelaki. Di seluruh dunia, dianggarkan hanya ada dua hingga tiga peratus saintis wanita. Fenomena sama turut berlaku di negara ini walaupun bilangan pelajar wanita di institut pengajian tinggi lebih ramai berbanding lelaki, wanita masih kurang mininati bidang mencabar ini. Apakah puncanya?

Cerita di muka 8

Cheong Sok Ching

3 saintis wanita diiktiraf

Sharmili Vidyadaran

Sharaniza Abd Rahim

Terima anugerah Wanita Dalam Sains L'Oreal Malaysia

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

DISKRIMINASI, tempoh bekerja yang lama dan kurang glamor dikatakan antara punca tidak ramai wanita mahu menceburi bidang ini. Ini ditambah dengan pandangan masyarakat terutama golongan muda yang menganggap kerja ini agak membosankan dan penuh dengan tekanan.

Tiga saintis wanita yang menerima anugerah Wanita Dalam Sains L'Oreal Malaysia baru-baru ini, membuktikan semua anggapan berkenaan tidak benar.

Malah Sharaniza Abd Rahim, 33, Dr Sharmili Vidyadaran, 29, dan Dr Cheong Sok Ching, 34, mengakui kerja sebagai saintis amat menyeronokkan dan mencabar minda.

Sharaniza yang membuat penyelidikan bagi menghasilkan pembiakan tisu lutut bagi mengatasi masalah kecederaan pada tisu berkenaan, tidak menafikan kerja berkenaan cukup mencabar dan penuh dengan tekanan.

Bagaimanapun, pelajar tahun akhir peringkat doktor falsafah di Jabatan Pembedahan Ortopedik, Universiti Malaya itu

mempunyai cara sendiri untuk mengatasinya.

"Bergelar saintis yang banyak menghabiskan masa di makmal memang mencabar. Kadangkala ada rasa putus asa apabila apa yang dicari tidak ditemui. Bagi memastikan saya tidak terlalu tertekan, saya keluar bersama rakan atau bercakap dengan emak. Saya ini jenis suka, jalan-jalan, cari makan. Baru rasa lega sedikit. Saintis pun manusia biasa juga," katanya.

Sharaniza yang masih bujang, mengakui anugerah yang diterimanya itu adalah perangsang semangat untuknya terus berusaha menghasilkan sesuatu yang bermanfaat untuk kesihatan masyarakat. Anugerah seumpama itu amat bermakna khususnya bagi saintis wanita.

"Saintis perlu memiliki ciri kreativiti yang tinggi. Rangsangan daripada persekitaran membantu golongan ini menghasilkan sesuatu yang tidak diduga. Saintis memerlukan sokongan daripada semua pihak termasuk keluarga. Mereka yang ingin bergelar saintis tidak boleh menjadi jutawan. Justeru, kerja ini memerlukan minat mendalam," katanya.

Berminat dengan sains sejak kecil, Sharaniza

dijangka mengakhiri kajiannya akhir tahun ini berharap penelitikannya itu berjaya menghasilkan tisu bagi menggantikan tisu lutut yang cedera. Katanya sehingga kini, penyelidikan berkenaan menjanjikan harapan cerah dan sudah diuji keberkesanannya. Sharaniza berharap membuat penyelidikan mengenai barah pada masa depan.

Dr Sharmili yang turut menerima anugerah berkenaan menafikan saintis terpaksa menghabiskan masa di makmal semata-mata.

Dibesarkan dalam keluarga saintis, Dr Sharmili mempunyai pandangan lebih positif mengenai kerja berkenaan. Bapanya yang juga seorang saintis dan profesor dalam bidang anatomi masih mempunyai masa untuk keluarga dan anak-anak.

"Bergelar saintis tidak bermakna anda terperuk saja di makmal. Ayah saya dulu pergi bekerja awal dan balik pada masa yang munasabah. Ia secara tidak langsung mendorong

minat saya untuk bergelar saintis kerana melihat kerja beliau yang dinamik itu. Tambahan pula saya juga seorang penyarah. Jadi, masa saya terbahagi kepada mengajar dan membuat penyelidikan. Ia bukan sepenuh masa dalam makmal," katanya.

Baginya cabaran utama bergelar saintis adalah untuk mendapat geran bagi menyokong penyelidikan yang dilakukan. Tidak semua pihak khususnya swasta berminat untuk membantu saintis menghasilkan penyelidikan apatah lagi jika ia tidak berkaitan dengan bidang mereka.

"Bagi menghilangkan

tekanan, saya menghabiskan masa belajar tarian klasik India. Terbaru, saya belajar mengenai tarian klasik India Utara yang dikenali sebagai Kathak.

"Saintis juga manusia biasa yang ada masanya tertekan dan perlukan aktiviti sampingan seperti individu lain. Penyelidikan memberikan keseronokan tetapi turut memberikan tekanan hebat," katanya.

Dr Sharmili dari Jabatan Patologi, Universiti Putra Malaysia sedang membuat kajian mengenai pasti sel genetik menyebabkan radang di dalam otak yang menyebabkan penyakit seperti alzheimer, parkinson dan strok. Katanya jika sel berkenaan dikenal pasti, radang ini boleh dikawal dan mengelakkan penyakit berkenaan.

Ibu kepada dua anak berusia dua dan lima tahun, Dr Cheong Sok Ching berkata, tidak timbul soal membosankan mahupun diskriminasi kerana saintis bekerja secara kumpulan. Ia membolehkan proses komunikasi dan perbincangan mengenai

penyelidikan yang dijalankan.

"Dapat menyelesaikan sesuatu masalah sebenarnya amat menyeronokkan. Apatah lagi ia membantu memperbaiki kehidupan orang ramai.

"Saya rasa semua pekerjaan ada tekanan seperti keperluan memenuhi tarikh akhir dan sering kali terpaksa berdepan dengan kekecewaan.

"Apa yang penting anda perlu berikap konsisten dan bijak membahagikan masa. Bagaimanapun, cabaran utama adalah sokongan dari segi kewangan dan juga keluarga," katanya.

Dr Cheong yang berkhidmat dengan Yayasan Inisiatif Penyelidikan Barah sedang membuat kajian mengenai barah mulut yang jarang dilakukan saintis wanita di barat.

Ini kerana hampir 80 peratus penyakit berkenaan dialami masyarakat di Asia berbanding di barat. Malah kebanyakan syarikat farmasi juga tidak berminat dengan kajian mahupun rawatannya.



CHEONG, Sharmili dan Sharaniza bergambar bersama anugerah yang diterima daripada Couve (kanan).

INFO

Wanita Dalam Sains L'Oreal Malaysia menganugerahkan tiga penyelidik wanita dengan geran bernilai RM20 ribu setiap seorang sebagai bantuan kewangan untuk meneruskan penyelidikan masing-masing. Ia disampaikan Pengarah Urusannya, Jean-

Francois Couve. Dilancarkan pada 2006, program berkenaan disokong Suruhajaya Kebangsaan Malaysia untuk Unesco dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia, Kementerian Kesihatan, Teknologi dan Inovasi dan

Kementerian Pendidikan Tinggi. Ia bermatlamat memberikan galakan kepada penyelidik wanita di seluruh dunia dan sebagai pengiktirafan kepada wanita dalam sains. Sehingga kini, 500 wanita di 68 negara di seluruh dunia menerima anugerah itu.